

# Satelit tinjauan pertama Malaysia RazakSAT dilancar

S-H 17/06/08 M58

**KUALA LUMPUR** - Satelit tinjauan pertama Malaysia, RazakSAT akan dilancarkan pada kedudukan orbit khusus untuk Malaysia di lapisan orbit yang dikenali sebagai Orbit Garis Lintang Tengah, kata pemangku Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa) Dr Mustafa Subari.

Beliau berkata kedudukan pada orbit itu membolehkan tinjauan ke permukaan bumi dibuat lebih kerap berbanding

satelit peninjau lain, iaitu dengan kekerapan tinjauan lima hingga enam kali sehari pada waktu siang.

“Tinjauan pada waktu siang membolehkan imej yang dirakam lebih jelas untuk kita buat perbandingan tentang keadaan alam sekitar,” katanya kepada Bernama selepas perasmian Pameran 'Pengembaraan Angkasa' di sini, semalam.

Beliau berkata, berbanding TiongSAT-1 yang dilancarkan

pada 2006 dan lebih bersifat eksperimental, RazakSAT dianggap 'satelit yang berfungsi' dalam pemantauan permukaan dan persekitaran bumi.

Satelit itu apabila dilancarkan, boleh digunakan memantau keadaan alam sekitar, meramal bencana alam seperti taufan dan banjir, selain membantu penyelidik dan saintis memahami perubahan iklim serta bentuk muka bumi dengan lebih jelas, katanya.

Mustafa berkata, satelit berkenaan dijadual dilancarkan pada bulan kemerdekaan

iaitu antara 31 Ogos hingga 16 September depan.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas mengenai kos keseluruhan projek tersebut.

Katanya, sejak pelancaran TiongSAT-1, kepakaran dalam bidang kejuruteraan satelit telah berjaya dipindahkan ke Malaysia.

RazakSAT, katanya, menggunakan lebih 80 peratus kepakaran tempatan dan ANGKASA bercadang menggunakan 100 peratus kepakaran tempatan bagi pembinaan satelit komunikasi pada masa depan.



Angkasawan Negara Mej Dr Faiz Khaleed (kiri) memberikan penerangan mengenai perihal pakaian angkasawan kepada Abdul Hanan (kanan) dan Mustafa (dua, kanan) selepas perasmian Pameran Baru 'Penerokaan Angkasa Lepas' di sini, semalam.